

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS
PELANCARAN "GERAKAN PEMBAHARUAN"
SEMPENA PEMBUKAAN PESTA PEMBANGU-
NAN NEGERI TRENGGANU, DI DUNGUN,
TRENGGANU PADA 6HB OGOS, 1972

Saudara Pengerusi Majlis, saudara-saudara sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah kerana dengan izinNya dapat datang ke Dungun hari ini untuk bersama-sama pada Pesta Pembangunan yang pertama kali diadakan di Negeri Trengganu ini. Saya juga sangat terharu di atas sambutan yang begitu hangat dan meriah kepada saya dan ucapan terimakasih kepada Jawatan-kuasa, Pegawai-pegawai yang mengambil bahagian. Saya juga ucapkan terimakasih kepada saudara-saudara sekalian yang telah datang dari dekat dan jauh, tua muda, besar dan kecil.

Saudara-saudara,

Tujuan utama kita mengadakan Pesta seperti ini ialah supaya orang ramai dapat menyaksikan sendiri akan keazaman Kerajaan dan mengukur setakat mana kita sudah berjaya melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan untuk memberi kehidupan yang lebih baik, makmur dan bahagia kepada rakyat.

Pesta yang meriah ini bukan saja merupakan satu peristiwa yang besar maknanya untuk rakyat Trengganu bahkan juga menandakan satu titik penting dalam sejarah pembangunan di Negara kita, khasnya dalam bidang pembangunan masyarakat atau "community development".

Saudara-saudara sekalian,

Sebagaimana yang kita maklum, rancangan pembangunan masyarakat telah mulai dikenal semenjak Kerajaan melancarkan Rancangan Pembangunan Luar Bandar dulu. Pada masa itu didapati sedikit benar kemudahan-kemudahan untuk rakyat luar bandar bahkan di setengah-setengah tempat tidak ada kemudahan-kemudahan samasekali. Kerajaan telah mengutamakan projek-projek jalan, parit, tahair, kelinik, api letrik dan lain-lain yang



Tun Abdul Razak bin Hussein kelihatan sedang menaiki sebuah bot yang ditarik oleh belia-belia Trengganu ketika beliau melancarkan Pesta Pembangunan Negeri Trengganu pada 6hb Ogos, 1972.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)

benar-benar diperlukan oleh rakyat. Seluruh strateji pembangunan ditumpukan bagi membasmi penyakit-penyakit yang dihadapi oleh masyarakat kita iaitu kemiskinan, kurang kesihatan, buta huruf dan sikap tidak apa.

Saudara-saudara sekalian,

Peristiwa 13 Mei membawa masyarakat kita kepada crucial cross-road atau persimpangan jalan yang memaksa kita mengambil kata putus menentukan arah dan haluan negara pada tahun-tahun akan datang.

Hasil dari pemikiran-pemikiran dan pendapat-pendapat bagi mengenai masyarakat kita ialah Rukunegara yang menegaskan cita-cita dan aspirasi negara, corak masyarakat Malaysia untuk zaman berzaman. Untuk menentukan tercapainya cita-cita ini, semua dasar dan rancangan yang menyentuh kehidupan politik, ekonomi, sosial atau kebudayaan hendaklah berpegang kepada prinsip Rukunegara. Rancangan Malaysia Kedua yang berlandas kepada Dasar Ekonomi Baru merupakan rancangan pembangunan yang pertama kali diselaraskan menurut prinsip-prinsip Rukunegara.

Saudara-saudara sekalian,

Saya rasa waktunya sudah tiba bagi kita menilai semula konsep dan objektif rancangan-rancangan pembangunan masyarakat. Selaras dengan hasrat dan cita-cita membentuk masyarakat yang progresif dan dinamik, mustahaklah kita memikirkan cara-cara baru untuk membaiki rancangan-rancangan pembangunan serta mehcinkan pelaksanaannya, khasnya mengenai rancangan-rancangan pembangunan masyarakat.

Pada hemat saya, kedua-dua pihak yang terlibat iaitu rakyat di satu pihak dan pegawai-pegawai Kerajaan di pihak lain hendaklah benar-benar menyedari tanggungjawab dan peranan mereka. Di pihak rakyat, saya sungguh berharap mereka akan lebih responsive kepada seruan-seruan Kerajaan dan receptive kepada idea serta pemikiran baru. Dan di pihak pegawai-pegawai Kerajaan pula, adalah mustahak mereka mempunyai semangat dan motivation dalam melaksanakan dasar-dasar Kerajaan.

Pegawai-pegawai yang merancang dan mentadbirkan projek-projek pembangunan terutamanya hendaklah sentiasa ingat bahawa matlamat segala usaha pembangunan ialah kebahagiaan dan kesempurnaan hidup rakyat. Rancangan dan projek-projek hanyalah semata-mata alat atau jambatan untuk mencapai tujuan kita.

Oleh itu, janganlah hendaknya mereka lebih mementingkan projek-projek daripada rakyat yang akan menerima munafatnya jika semata-mata dengan tujuan hendak meninggikan imej diri atau Jabatan masing-masing. Mereka hendaklah faham bahawa memenuhi kehendak-kehendak rakyat adalah lebih penting daripada hanya mengadakan projek-projek tertentu.

Walau bagaimanapun, bagi menentukan kejayaan sesuatu projek itu, kerjasama dan ko-ordinasi di semua peringkat kerja sangatlah mustahak, baik di peringkat perancangan mahupun di peringkat pelaksanaannya. Kecenderungan hendak berlawan satu sama lain semata-mata kerana hendak meninggikan imej Jabatan masing-masing hingga mengenyahkan matlamat kebahagiaan rakyat tidaklah diingini samasekah. Sikap ini, kalau ada, hendaklah dikikis dan dihapuskan. Sebelum sesuatu projek dirancang, sangatlah penting meninjau dan mengkaji terlebih dulu akan kehendak-kehendak rakyat di tempat itu, dan kemudian barulah dirancang dan seterusnya dilaksanakan bersama-sama. Inilah approach baru dan cara yang lebih berkesan bagi menjamin kejayaannya.

Buat masa hadapan ini, Kerajaan akan menugaskan seorang Penolong Pegawai Daerah khusus untuk memastikan kerjasama dan ko-ordinasi rancangan-rancangan pembangunan masyarakat kita di peringkat daerah. Di peringkat negeri, Pegawai Kemajuan Negeri akan bertanggungjawab dan di peringkat Persekutuan, satu Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Masyarakat telahpun dilantik untuk mengawasi pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan masyarakat.

Dengan cara ini, saya yakin segala rancangan ekonomi dan sosial yang dirancang oleh Kerajaan dapat dilaksanakan secara berpadu, yakni dengan "integrated approach" serta menjamin kejayaannya.

Saudara-saudara sekalian,

Di samping membetulkan jentera pentadbiran Kerajaan, rakyat sendiri mestilah sedar akan tanggungjawab mereka dan memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada rancangan-rancangan pembangunan masyarakat. Kejayaan sesuatu rancangan itu tentulah sukar dicapai jika kesemuanya diserahkan bulat-bulat kepada Kerajaan. Kerjasama dan rasa sefahaman mestilah wujud antara kedua-dua pihak—rakyat dan Kerajaan.

Bagi mencapai tujuan ini, Kerajaan telah membentuk semula atau "reactivate" Jawatankuasa-jawatankuasa Kemajuan Kampung. Sebagai badan yang berakar umbi kepada rakyat, Jawatankuasa Kemajuan Kampung mempunyai peranan penting kerana mereka diharap dapat mempengaruhi dan melibatkan masyarakat setempat dalam rancangan pembangunan masyarakat. Maju mundurnya usaha-usaha pembangunan masyarakat di satu-satu tempat bergantung kepada Jawatankuasa tersebut.

Saudara-saudara sekalian,

Saya lihat ada beberapa langkah yang perlu dibuat untuk menjadikan Jawatankuasa Kemajuan Kampung ini lebih berkesan. Pertama sekali, keanggotaannya hendaklah diperluaskan serta mutu pimpinannya diperbaiki lagi. Memandangkan keadaan masyarakat kita hari ini, patutlah ada wakil-wakil wanita dan belia duduk dalam Jawatankuasa ini. Tidak syak lagi, peranan yang lebih luas boleh diberikan kepada wanita dan belia dan saya percaya mereka dapat memberikan sumbangan positif kepada usaha-usaha pembangunan.

Saya fikir konsep "kampung" berkaitan dengan Jawatankuasa Kemajuan Kampung diperluaskan takrifnya. Pada masa-masa yang lalu, istilah "kampung" itu dimaksudkan khusus pada kampung tradisional Melayu di luar bandar. Tetapi sekarang, dengan hasrat menyusun semula masyarakat, istilah "kampung" tidaklah dihadkan kepada satu kaum ataupun kawasan luar bandar sahaja.

Oleh kerana semakin ramai rakyat luar bandar yang berhijrah ke bandar-bandar dan pekan-pekan kecil, maka mustahaklah Jawatankuasa Kemajuan ditubuhkan juga di kawasan-kawasan perumahan dalam bandar dan pekan-pekan kecil itu. Dengan strategi baru ini, rancangan-rancangan pembangunan masyarakat dapat meliputi semua lapisan rakyat di seluruh Negara, baik di

luar bandar mahu pun di bandar, sementara Kerajaan boleh meluaskan scope rancangan-rancangan pembangunan untuk memenuhi kehendak-kehendak rakyat di mana-mana.

Saudara-saudara sekalian,

Tetapi di atas segala-galanya ini, perkara yang amat penting sekali ialah sikap dan keazaman ahli-ahli Jawatankuasa itu sendiri. Saya mahu mereka memainkan peranan pelupor masyarakat dengan memberikan contoh-contoh yang baik kepada masyarakat yang dipimpinnya. Dengan lain-lain perkataan, ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung di samping mempunyai pemikiran yang bernas dan progresif, hendaklah juga bertugas dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi.

Sebagaimana yang kita maklum, salah satu strateji untuk memperimbangkan ekonomi antara kaum dan kawasan ialah dengan cara memodenkan sektor luar bandar. Proses modenisasi ini amatlah luas tafsirannya. Rakyat mestilah memodenkan cara hidup mereka, tidak kira samada mereka bergantung pada usaha pertanian, perniagaan kecil atau apa-apa lapangan jua. Istilah "modern" di sini pembaharuan cara berfikir dan bertindak supaya kita tidak ketinggalan zaman. Mereka hendaklah menjenterakan pertanian, mengendalikan perniagaan dengan cara sistematik, dan juga menggunakan pendapatan yang lebih untuk menyertai modal saham seperti dalam Kompleks Kewangan M A R A .

Saudara-saudara sekalian,

Adalah perlu juga melibatkan lebih banyak lagi badan-badan awam serta pertubuhan-pertubuhan sukarela dalam aktiviti-aktiviti pembangunan masyarakat. Hingga kini, ada beberapa pertubuhan sukarela dan badan kebajikan yang merancang aktiviti-aktiviti mereka khusus untuk tujuan mereka sendiri, yang lazimnya terpisah dari matlamat-matlamat pembangunan negara. Saya ingin melihat badan-badan seperti ini menyesuaikan aktiviti-aktiviti mereka dengan matlamat-matlamat pembangunan Negara dan masyarakat seperti mana yang telah ditetapkan.

Inilah antara beberapa tindakan untuk memberikan nafas baru kepada pembangunan masyarakat. Dalam pada itu, kita hendaklah memikirkan strateji baru yang boleh membawa kita lebih cepat mencapai matlamat-matlamat yang ditujui.

Pada kesimpulannya, semua pemikiran-pemikiran baru mengenai masyarakat kita, pandangan-pandangan baru mengenai matlamat Negara dan "approach" baru dalam perumusan dasar serta rancangan-rancangan Negara boleh digabungkan dalam satu konsep saya fikir amat tepat dengan nama GERAKAN PEMBAHARUAN.

Gerakan Pembaharuan bukanlah sesuatu yang asing dan menjelma secara sendirian bahkan ialah satu lagi strateji untuk memperhebatkan rancangan pembangunan masyarakat di seluruh negara. Dalam hubungan ini, kedua-dua pihak iaitu rakyat dan pegawai-pegawai Kerajaan hendaklah bertindak dengan motivation dan penuh commitment untuk mencapai matlamat pembangunan masyarakat sepenuhnya. Gerakan Pembaharuan ini mengingatkan dan menegaskan kepada semua pihak yang terlibat bahawa matlamat terpenting dalam semua rancangan pembangunan ialah kebahagiaan hidup rakyat semata-mata.

Saudara-saudara sekalian,

Akhir sekali, saya ingin bercakap tentang Pesta Pembangunan yang kita saksikan di depan kita. Pesta ini dirancangkan menurut aliran fikiran dan pandangan baru mengenai rancangan pembangunan masyarakat kita, dan cuba mengarahkan tujuan pembangunan mengikut keadaan hari ini. Selain dari itu, Pesta ini juga menunjukkan bagaimana cara "integrated" approach yang saya katakan tadi dapat diamalkan oleh semua pihak yang berkenaan untuk menjamin kejayaan sesuatu projek itu.

Berhubung dengan Pesta Pembangunan ini juga, saya berkehendak supaya diadakan hanya di peringkat negeri dan daerah setahun sekali, dan di peringkat kebangsaan dua tahun sekali. Saya berharap semua pihak akan memberikan sepenuh kerjasama kepada Kerajaan Negeri dan Pusat bagi mengadakan Pesta-pesta Pembangunan seperti ini pada masa-masa yang sesuai.

Dengan ini, saya dengan sukacitanya membuka Pesta Pembangunan ini, dan seterusnya merasmikan pelancaran GERAKAN PEMBAHARUAN. Semuga Allah memberkati usaha kita ini.